



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

### **KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

#### **SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA MINGGU EPIDEMIOLOGI 38 (15 SEPTEMBER 2024 – 21 SEPTEMBER 2024)**

---

Pada Minggu Epidemiologi ke-38 tahun 2024, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 1,514 kes berbanding 1,794 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat dua (2) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-38 tahun 2024.


Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-38 adalah sebanyak 101,750 kes berbanding 87,175 kes bagi tempoh sama tahun 2023. Manakala terdapat 91 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 62 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2023.

Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-38 adalah sebanyak 33 lokaliti berbanding 43 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 33 lokaliti yang dilaporkan, 23 lokaliti di Selangor, tiga (3) lokaliti di WPKL & Putrajaya, dua (2) lokaliti di Pulau Pinang, dua (2) lokaliti di Negeri Sembilan, dua (2) lokaliti di Kelantan dan satu (1) lokaliti di Perak.

Bagi surveilans chikungunya, terdapat tiga (3) kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-38. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 75 kes. Tiada wabak Chikungunya dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-38. Bagi surveilans zika, sebanyak 1,976 sampel darah, lapan (8) sampel urin dan tiga (3) sampel cecair serebrospinal telah dijalankan saringan zika dan keputusan adalah negatif.

Keadaan cuaca memainkan peranan penting dalam penularan penyakit denggi kerana ia mempengaruhi habitat dan kelangsungan hidup nyamuk *Aedes aegypti*, vektor utama penyakit ini. Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia adalah dijangkakan fasa peralihan monsun akan bermula pada 24 September 2024 dan akan berterusan sehingga November 2024. Semasa fasa ini, negara dijangka mengalami hujan lebat terutamanya pada waktu petang dan awal malam. Keadaan ini akan mengakibatkan banyak bekas dan struktur di persekitaran berisiko menjadi tempat pembiakan nyamuk *Aedes*. Oleh itu, semua pihak terutama masyarakat diminta untuk sentiasa berwaspada terhadap risiko jangkitan demam denggi dengan melakukan aktiviti Cari dan Musnah tempat pembiakan *Aedes* sekurang-kurangnya 10 minit sekali seminggu. **Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN**  
**27 SEPTEMBER 2024**




**Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-38 & ke-37 tahun 2024**



**Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-38 tahun 2024 dan tempoh sama tahun 2023**



**Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2024 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-38), 2023 dan median 2019-2023**



**Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-38 tahun 2024**